

KPKT lulus peruntukan naik taraf bomba sukarela

PELABUHAN KLANG - Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meluluskan peruntukan sejumlah RM845,000 kepada Persatuan Bomba Sukarela Pulau Ketam.

Menteri KPKT, Tan Sri Noh Omar berkata, peruntukan berkenaan bagi membaiki infrastruktur dan naik taraf peralatan bomba sukarela di Bagan Sungai Lima dan Pulau Ketam.

"Saya luluskan sebanyak RM580,000 untuk membaiki tangki simpanan air serta naik taraf peralatan bomba di Pulau Ketam Besar, manakala RM265,000 lagi untuk membeli peralatan serta kelengkapan untuk pusat bomba sukarela di Bagan Sungai Lima, Pulau Ketam.

"Saya fikir adalah wajar untuk menaik taraf peralatan bomba sukarela di sini memandangkan kedudukan yang jauh serta keadaan

peralatan yang semakin uzur, malah tangki air pun saya difahamkan berusia 50 tahun.

"Kita tidak mahu peralatan tidak mencukupi atau tidak boleh digunakan jika berlaku kecemasan seperti kebakaran dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas lawatan kerja di Pulau Ketam, kelmarin.

Dalam program sama, Noh turut merasmikan Jambatan Persekutuan di Bagan Sungai Lima.



Noh melihat keadaan di sekitar Bagan Sungai Lima ketika lawatan kerja ke Pulau Ketam.